

**NO. SOALAN: 36**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DR. HAJAH SITI MARIAH BINTI MAHMUD  
[ KOTA RAJA ]**

**TARIKH : 13 NOVEMBER 2014**

**RUJUKAN : 7209**

**SOALAN:**

**Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [ Kota Raja ] minta MENTERI  
DALAM NEGERI menyatakan status Program 6P dan sejauh  
manakah kejayaan Kerajaan mengurangkan jumlah PATI di  
Malaysia.**

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman, pada masa ini Program 6P berada dalam fasa yang terakhir iaitu program penguatkuasaan. Kerajaan telah melancarkan Operasi 6P Bersepadu yang diterajui oleh Jabatan Imigresen Malaysia bagi fasa pertama pada 1 September 2013 hingga 8 Oktober 2013 dan fasa kedua pada 21 Januari 2014 hingga 11 Mac 2014. Kementerian masih meneruskan program penguatkuasaan Operasi Secara Bersepadu Fasa 1 bermula 1 September 2013 hingga 20 Januari 2014 dan Operasi Secara Bersepadu Fasa 2 bermula 21 Januari 2014 hingga 23 September 2014.

Operasi Bersepadu 6P Fasa 2 yang dilancarkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia pada 21 Januari 2014 sehingga 18 Mac 2014, seramai 11,460 orang PATI telah diusir ke negara asal. Jumlah pengusiran mengikut lima negara tertinggi adalah seperti berikut:-

- i) Indonesia – 4,929 orang
- ii) Filipina – 2,303 orang
- iii) Bangladesh – 734 orang
- iv) Myanmar – 626 orang; dan
- v) Nepal – 525 orang

**Jumlah PATI ditangkap melalui operasi bersepadu Fasa 1 bermula 1 September 2013 hingga 20 Januari 2014 adalah seramai 17,455 orang dan bagi Fasa 2 bermula 21 Januari 2014 hingga 23 September 2014 adalah seramai 23,038 orang .**